



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA

SIARAN MEDIA MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA

ALTERNATIF PENGUMPULAN DEPOSIT KONTENA DI MALAYSIA

Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) komited untuk menyelesaikan masalah kontena deposit yang membelenggu industri logistik yang menjejaskan kecekapan dan meningkatkan kos perdagangan di Malaysia. Sehubungan itu, saya telah mengeluarkan surat kepada semua pihak yang terlibat dalam transaksi import melalui laut di Malaysia bagi menggesa penerimaan kepada tiga (3) alternatif seperti berikut:

Skim Deposit Tanpa Cek (NCD); atau
Akaun Lejar Kontena (CLA); atau
iCargo+.

Deposit kontena adalah salah satu isu utama antara syarikat perkapalan (Shipping Line (SL)) dan Non-Vessel Owning Common Carrier (NVOCC) dengan pengimport di Malaysia. Isu ini telah dibangkitkan kepada Pasukan Petugas Logistik Kebangsaan (NLTF) yang dipengerusikan oleh Menteri Pengangkutan.

MOT menerusi NLTF akan terus berkomunikasi dengan pihak pengimport, SL/NVOCC, ejen-ejen berkaitan dan ejen penghantaran (freight forwarder) dan mendapatkan perkembangan berhubung perkara di atas.

Berdasarkan keputusan yang dicapai oleh NLTF, Lembaga Pelabuhan Klang (LPK) telah melaksanakan alternatif ini di Pelabuhan Klang mulai Februari 2020. Tiga (3) alternatif tersebut telah diterima dengan baik oleh pemain industri logistik tempatan.

Penerimaan sepenuhnya alternatif tersebut oleh semua pihak yang terlibat adalah sangat penting agar pertelingkahan berkenaan perkara ini dapat diselesaikan.

MOT juga ingin menekankan bahawa konsultasi dengan industri logistik serta penelitian mengenai amalan logistik antarabangsa telah dilakukan sebelum pelaksanaan 3 alternatif ini. Pelaksanaan ketiga-tiga alternatif ini adalah langkah pertama MOT dalam memastikan amalan yang adil, pemain industri logistik tempatan dilindungi sewajarnya dan membantu mengukuhkan aliran tunai pengimport-pengimport tempatan.





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA

Sejak dilaksanakan pada bulan Mac 2020, sebanyak 73 daripada 259 SL / NVOCC telah menggunakan penyelesaian alternatif tersebut. Selain itu, 516 daripada 687 (75%) ejen penghantaran yang mewakili pengimport turut menggunakan penyelesaian alternatif ini.

Skim alternatif ini telah menyumbang kepada pengurangan deposit kontena yang dianggarkan berjumlah kira-kira RM 968 juta kepada ejen penghantaran dan pengimport. MOT menarik perhatian dan menggesa semua pihak yang berkaitan untuk menerima 3 kaedah alternatif tersebut. Berdasarkan kepada penerimaan yang menggalakkan di Pelabuhan Klang, skim ini akan diperluaskan ke pelabuhan-pelabuhan lain di seluruh negara.





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA

ALTERNATIVES TO COLLECTION OF CONTAINER DEPOSIT IN MALAYSIA

The Ministry of Transport is committed to resolving issues affecting the logistics industry in Malaysia that impede efficiency and trade flows. As such, I have issued a letter to all parties involved in import transactions by sea in Malaysia allowing them three (3) alternatives to placing container deposit, as follows:

Non-Cheque Deposit (NCD) Scheme; or
Container Ledger Account (CLA); or
iCargo+.

Container deposit is one of major issues of dispute between shipping lines and shippers in Malaysia and has been brought to the National Logistics Task Force (NLTF) chaired by the Minister of Transport.

The relevant communication regarding the above will be made to importers, shipping lines (SL), agents, Non-Vessel Operating Common Carriers (NVOCC) and forwarding agents.

Pursuant to the discussions and decisions made by the NLTF, Port Klang Authority (PKA) has implemented the directives in Port Klang from February 2020. The alternatives have been well received by the domestic logistics industry players and are made available nationwide.

On that account, it is of utmost importance that all shipping lines as well as NVOCCs come on board with the Ministry to implement these alternatives and put an end to the disputes.

The Ministry of Transport (MOT) wishes to highlight that engagements and consultations with the logistics industry and assessment on the international shipping practices have been undertaken prior to the implementation of these 3 alternatives.

The implementation of these 3 alternatives is the first step taken by MOT in ensuring fair practices to safeguard domestic logistics players, including taking into consideration the smaller companies' need for quicker refunds of their deposits in order to aid their cash flow.

Since its implementation in March 2020, 73 out of 259 Shipping Lines / NVOCCs have subscribed to the alternative solutions. 516 out of 687 (75%) Forwarding Agents representing Importers have subscribed to these alternative solutions.

The adoption of these alternative schemes has resulted in the diminution of deposits of approximately RM 968 million to Forwarding Agents and Importers. Both PKA and MOT look forward to the support of all relevant parties towards an amicable resolution





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA

to the long-standing practice of deposit collection. Based on experience in Port Klang, the scheme will be extended to other ports nationwide to ensure uniform implementation throughout the country.

DATUK SERI IR. DR. WEE KA SIONG
MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA
11 OKTOBER 2020

-TAMAT-

Tentang MOT:

Kementerian Pengangkutan Malaysia bertekad untuk menjadi peneraju transformasi sistem pengangkutan yang bersepadu, efisien dan selamat dengan memperkasakan sistem pengangkutan berteraskan teknologi sebagai pemangkin pembangunan negara.

Pertanyaan Media
Kementerian Pengangkutan Malaysia
Unit Komunikasi Korporat

Tel +603 8892 1006 (Setiausaha Akhbar)
+603 8892 1027 (Unit Komunikasi Korporat)
Faks +603 8892 0208
E-mel sua@mot.gov.my
unitkomunikasikorporat@mot.gov.my

